

# Institusi Perbankan Islam dalam Membangun Dana Wakaf di Malaysia

Zainur Nadiyah Baharudin\*, Sumaiyah Bahri

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Malaysia*

\*Pengarang Penghubung  
zainadia90@uitm.edu.my\*, sumaiyah@uitm.edu.my

Received: 30 October 2022

Accepted: 8 Mac 2023

Online First: 12 April 2023

## ABSTRAK

*Wakaf merupakan salah satu instrumen dalam ekonomi Islam yang mampu membantu menangani isu kemiskinan serta menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam. Oleh itu, dengan penglibatan institusi perbankan Islam dalam dunia wakaf telah dapat menambahkan lagi keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf serta dapat membantu menambahkan dana wakaf bagi tujuan meningkatkan sosioekonomi dan masyarakat. Pendekatan kualitatif digunakan dengan menggunakan kaedah dokumentasi untuk pengumpulan data-data dan maklumat yang diperlukan berkaitan wakaf. Kajian mendapati pendekatan dalam membangunkan dana wakaf di institusi perbankan Islam ini dapat menggalakkan aktiviti tanggungjawab korporat (CSR) yang seharusnya dijadikan agenda utama oleh syarikat-syarikat korporat di Malaysia. Dengan pendekatan ini dapat memberi contoh lebih banyak lagi integrasi antara institusi perbankan dan badan-badan kerajaan mahupun korporat bekerjasama membangunkan wakaf supaya dapat mewujudkan sumber dan peluang ekonomi.*

**Kata kunci:** dana wakaf, institusi perbankan, wakaf

## Islamic Banking Institutions in Developing Waqf Funds in Malaysia

### ABSTRACT

*Waqf is one of the instruments in the Islamic economy that can help deal with the issue of poverty as well as protect the economic interests of Muslims. Therefore, the involvement of Islamic banking institutions in the world of waqf has made people trust waqf institutions more and can help increase waqf funds to help improve society and the economy. A qualitative approach is used by using the documentation method to collect the necessary data and information related to waqf. The study found that this way of building up waqf funds in Islamic banking institutions can help promote corporate social responsibility (CSR) activities, which Malaysian corporations should make their top priority. With this approach, we can show how banks, the government, and corporations can work together to develop waqf in order to create resources and economic opportunities.*

**Keywords:** banking institution, waqf, waqf fund

### PENGENALAN

Perkataan wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Dari segi bahasa, *waqf* bermakna berhenti, menegah dan menahan (Al- Sarakhsi, Syams al- Din, 1986). Manakala menurut istilah syarak, wakaf bermaksud menahan harta seseorang bagi dimanfaatkan oleh orang lain. Harta tersebut adalah kekal dan manfaatnya digunakan oleh pihak lain. Tujuannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta memberi kebajikan kepada pihak lain (Siti Mashitoh, 2006). Dengan sebab itu, harta wakaf tidak lagi menjadi milik pewakaf dan tidak boleh diambil kembali serta tidak boleh dimiliki oleh sesiapa, ianya hak milik mutlak Allah SWT (Zaim, 2013).

Dalam Islam terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan iaitu harta alih dan harta tak alih. Harta tak alih adalah seperti tanah dan bangunan dan harta alih pula seperti wang tunai, saham dan sebagainya. Bagi harta tak alih, para ulama telah bersepakat ia adalah sah memandangkan ia memenuhi prinsip utama wakaf adalah harta yang kekal (al-Nawawi, t.t: 378). Sebagaimana Nabi saw dan para sahabat yang menjadikan harta mereka kekal sebagai *mawquf* (al-Syawkani, t.t:129). Terdapat perbezaan pandangan dikalangan ulama berkaitan harta alih kerana harta ini adalah harta tidak kekal

dan mudah rosak. Mazhab Syafie berpandangan bahawa setiap harta yang boleh dijualbeli boleh diwakafkan selagimana manfaat yang dinikmati oleh penerima dapat diperolehi secara kekal (Mustafa al-Khin et al., 2009: 222).

Pengurusan dan pentadbiran harta wakaf merupakan tunjang dalam memastikan kejayaan bagi rancangan yang disusun. Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan membantu Majlis agama Islam Negeri melaksanakan pembangunan harta wakaf yang lebih efisein. Pengurusan pembangunan projek yang ingin dilakukan perlu mendapatkan persetujuan daripada MAIN selaku pemegang Amanah tunggal harta (Ridzuan, 2020). JAWHAR juga bertindak sebagai penyelarass yang mempertemukan antara MAIN dengan pihak yang ingin membangunkan harta wakaf sedia ada. Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 2011 untuk lebih memperkasakan institusi wakaf di negeri Selangor (Hasliza Talib, 2014).

Pada 27 September 2012 buat julung kalinya institusi perbankan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat (BMMB, 2012). Wakaf Selangor Muamalat merupakan wakaf korporat pertama di Malaysia yang melibatkan kerjasama di antara institusi wakaf milik kerajaan negeri dengan sebuah bank komersil Islam (Asharaf, Abdullaah Jalil, 2013). Jalinan kerjasama strategik ini membentuk perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat dengan tema “Esok masih ada?”. Bagi perkhidmatan wakaf ini, BMMB bertindak sebagai ejen kepada PWS untuk mengutip harta wakaf dari pelanggannya dan masyarakat umum serta mengurus dana wakaf. Maka, inisiatif yang dilakukan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dalam membangunkan ekonomi ummah merupakan nilai-nilai positif yang dapat diamalkan dalam dunia korporat khususnya perbankan Islam. Oleh itu, dengan penglibatan institusi perbankan Islam dalam dunia wakaf akan dapat menambahkan lagi keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf serta dapat membantu menambahkan dana wakaf bagi tujuan meningkatkan sosioekonomi dan masyarakat.

## **SOROTAN LITERATUR**

Perkembangan dana wakaf mula dikembangkan dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi perbankan. Dalam institusi perbankan Islam, wakaf dilihat sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab korporat yang membezakan perbankan islam dengan entiti konvensional yang lain. Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab korporat (CSR) oleh organisasi korporat memberikan kesan dan

impak sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada organisasi itu sendiri serta sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara (Norajila & Joni Tamkin,2010).

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara umumnya bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya. Menurut Islam ia berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunah serta idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Oleh itu, konsep tanggungjawab korporat dalam Islam ini merangkumi makna yang luas yang mencakupi dimensi taqwa, di mana sesebuah syarikat korporat itu sebagai sebuah organisasi yang merangkumi sekumpulan individu di dalamnya, memainkan peranan yang penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah di muka bumi ini dalam setiap situasi (Asyraf Wajdi, 2008).

Inisiatif kerajaan dalam membangunkan wakaf korporat telah menjadi satu matlamat baru negara dalam mempertingkatkan sosio-ekonomi orang Islam terutama bagi golongan yang terjejas disebabkan isu COVID-19 ini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkaitan peranan wakaf dapat memperkasakan ekonomi negara dalam memberi banyak manfaat kepada masyarakat, tanpa mengira agama, kaum mahupun keturunan. Pembabitan semua pihak sama ada masyarakat, agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mahupun sektor swasta sangat penting dan inisiatif yang diberikan adalah melalui skim potongan gaji secara berkala (Rafidah, 2021).

Pihak institusi perbankan dan kewangan juga telah mempelbagaikan platform berwakaf dengan melancarkan pelbagai apps dan memudahkan seperti mywakaf yang memudahkan pemilihan sumbangan wakaf yang ingin disalurkan kepada orang ramai dari sudut pendidikan, kesihatan, sosial ekonomi yang lain. Peranan entiti wakaf korporat di dalam membangunkan sejumlah aset wakaf bernilai tinggi kepunyaan orang-orang Islam turut menjadi strategi utama pihak berwajib di dalam aspirasi memperkasakan ekonomi bumiputera sepertimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri sewaktu melancarkan Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2013 (Teraju, 2013). Selain itu, penubuhan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) di bawah Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Program Wakaf Korporat pada tahun 2015 menunjukkan sokongan pihak kerajaan Malaysia di dalam membangunkan konsep wakaf korporat (Utusan, 2015).

Perancangan pembangunan harta wakaf merupakan elemen penting dalam pelan pembangunan rancangan lima tahu negara yang memerlukan kerjasama era antara pihak GLC, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), badan korporat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Negeri perlu mengenalpasti ruang dan peluang kerjasama yang boleh dijalinan bagi mengoptimumkan penggunaan dan pembangunan aset wakaf, (Rafidah, 2021).

Peranan komuniti dan tanggungjawab korporat (CSR) bagi syarikat-syarikat swasta turut difokuskan kepada sudut pendidikan, kesihatan dan sumbangan secara tidak langsung aktiviti ini boleh menyumbang sebahagian besar kepada dana wakaf jika kerjasama antara syarikat korporat dan MAIN dipergiatkan. Syarikat yang melaksanakan tanggungjawab sosial dapat memperoleh faedah kompetitif yang signifikan bagi meningkatkan prestasi kewangan, menambahkan imej jenama dan reputasi, dan menambahkan kebolehan untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti, pengurusan risiko yang lebih efektif, mengurangkan kos-kos dan menarik para pelabur (Mohd Afandi dan Manzur, 2014).

Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islami Malaysia (AIBIM) telah menggalakkan bank-bank Islam untuk bekerjasama dan menyeragamkan pelan tindakan Inisiatif dana Wakaf di antara bank-bank Islam dan MAIN dalam membangunkan potensi wakaf dan memperkasa ekonomi ummah di Malaysia. Buat masa ini, terdapat enam bank Islam yang terlibat di dalam pelaksanaan dana wakaf iaitu Affin Islamic Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Rakyat, Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Malaysia Berhad (MyWakaf, 2021). Kerjasama strategik di antara Affin Islamic Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad ini merupakan satu salah satu inisiatif bagi industri perbankan Islam dalam menyediakan pengantaraan berasaskan nilai kepada pengguna.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi untuk pengumpulan data-data dan maklumat yang diperlukan. Metode dokumentasi dilakukan bagi memperoleh sorotan ke atas bahan-bahan literatur serta pengumpulan data-data berkaitan dengan projek dana wakaf oleh institusi perbankan. Data-data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini dapat dijadikan salah satu sumbangan akademik dan rujukan

dalam membangunkan lagi dana wakaf di Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN

Dalam menyediakan perkhidmatan wakaf, tarikan dan keunikan perlu diserlahkan agar dapat meningkatkan reputasi sesebuah institusi perbankan. Bank sebagai institusi pengantara menjadi penghubung kepada unit *surplus* (pelanggan) dan unit *defisit* (yang memerlukan). Setiap individu mempunyai pilihan dalam menyalurkan kebajikan, dalam kajian Zul Karami (2014) teori utiliti boleh menerangkan bagaimana pelanggan membuat keputusan dalam memilih sebuah bank, utiliti pengguna Islam berbeza daripada utiliti yang dibahaskan oleh teori ekonomi kapitalis dimana pengguna Islam tidak sahaja mementingkan individualisme tetapi juga kepentingan sosial. Oleh itu, dalam galakan membuat kebajikan dengan berwakaf pelbagai insentif sebagai tarikan kepada individu dan syarikat- syarikat korporat seperti pelepasan cukai sebanyak 7% kepada individu dan 10% kepada syarikat.

Objektif sebuah firma Islam tidak hanya untuk memaksimumkan keuntungan, firma yang diterajui oleh pengusaha Islam sentiasa memberi tumpuan kepada aspek- aspek spiritual dan moral terlebih dahulu sebelum melihat kepada untung ekonomi yang mungkin dicapai. Dalam sebuah firma Islam, perbelanjaan pada jalan Allah dan kebajikan merupakan amalan terpuji dan keuntungan yang diterima adalah suatu yang tidak boleh diramalkan (Metwall, 1992). Pengusaha Islam dijangka lebih mementingkan keperluan masyarakat dan berusaha untuk memenuhi keperluan itu seberapa mungkin demi menunaikan tuntutan fardu kifayah (Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam, 2011).


### Model myWakaf

Inisiatif myWakaf ialah sebuah idea kolektif daripada enam buah perbankan Islam iaitu ahli-ahli kepada Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) untuk memperkasakan masyarakat melalui inisiatif wakaf. Perbankan Islam bukan sekadar menawarkan servis perbankan sahaja bahkan berpeluang menawarkan fasiliti unik yang mengubah cara tradisi kutipan wakaf. myWakaf juga merupakan inovasi kepada kutipan wakaf di mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dapat meneroka ruang yang lebih luas daripada penyumbang-penyumbang yang berpotensi seperti korporat dan syarikat.

Terdiri daripada sembilan (9) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bekerjasama menjayakan myWakaf iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Perbadanan Wakaf Selangor, Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam

dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Wakaf Pulau Pinang, dan Tabung Baitulmal Sarawak.

**Gambar Rajah 1: Penyumbang Dana Wakaf**



Sumber: myWakaf Model

Penyumbang dana wakaf boleh menderma di mana-mana projek, dengan membuat pindahan ke akaun projek tersebut. Projek-projek terpilih terdiri daripada empat sektor yang berbeza iaitu Pendidikan, pemerkasaan Ekonomi, Kesihatan dan Pelaburan. Kesemua MAIN yang terlibat akan menyenaraikan satu projek sebagai kolaborasi strategik untuk negeri masing-masing. Manakala terdapat pelbagai metod pembayaran yang disediakan seperti JomPAY, Internet Biller, dan pindahan ATM untuk memudahkan para penyumbang membuat transaksi.

Sumbangan penyumbang akan diselia di bawah “Akaun Amanah” yang dimiliki oleh MAIN terlibat. Bank dan MAIN tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap wang tersebut dan hanya bertindak berdasarkan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) adalah jawatankuasa ditubuhkan antara Bank Peneraju dan rakan kongsi MAIN. Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) akan bertemu secara berkala untuk menentukan perkara berikut:

- I. Di mana dan bila untuk menggunakan dana tersebut. JPB boleh menentukan untuk melaburkan sumbangan yang terkumpul sebelum mencapai amaun sasaran untuk pelaksanaan projek. Dana tersebut akan disalurkan ke dalam projek apabila diperlukan.
- II. Strategi pemasaran semasa ketika dalam fasa kutipan. Bank-bank dan MAIN akan bergabung dalam kempen pemasaran untuk memastikan pengumpulan dana adalah cukup dan dapat dicapai dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- III. Status akan dikemaskini dari semasa ke semasa. JPB akan mengemaskini perkembangan terkini setiap projek kepada sekretariat myWakaf.

Perjalanan wakaf penyumbang tidak berakhir apabila sumbangan telah dibuat. Penyumbang boleh mendapatkan maklumat perkembangan projek wakaf melalui portal myWakaf. Maklumat sumbangan dan jumlah sumbangan dikongsi dalam website tersebut agar penyumbang mendapat informasi.

### **Kerjasama Projek Dana Wakaf**

Terdapat Sembilan bentuk kerjasama projek antara bank peneraju dan MAIN:

**Jadual 1: Senarai Projek dan Peneraju**

| <b>Senarai projek</b>           | <b>Bank peneraju</b>       | <b>Majlis Agama Islam Negeri</b> |
|---------------------------------|----------------------------|----------------------------------|
| Waqf Boat                       | Maybank Islamic            | MAIPk                            |
| Muallaf Centre                  | Bank Muamalat              | MAIK Kelantan                    |
| HTF Hemodialysis Service        | Bank Islam                 | MAIPs                            |
| MAIDAM Hemodialysis Centre      | Bank Rakyat                | MAIDAM                           |
| Inap Wakaf                      | Bank Muamalat              | MAIK Kedah                       |
| Sekolah Menengah Islam Seremban | Bank Muamalat              | PBMalNS                          |
| Mobile Dental Clinic            | Bank Muamalat              | PWS                              |
| Dana Wakaf Al-Bait              | RHB Islamic                | TBS                              |
| Housing Waqf                    | Affin Islamic & Bank Islam | WPP                              |

Sumber: Laporan Prestasi myWakaf 2020



Antara projek-projek dan kutipan dana wakaf yang telah dilaksanakan dalam myWakaf:

**Jadual 2: Senarai Projek dan Kutipan Dana**

| No | Negeri          | Nama Projek  | Sasaran Dana Wakaf | Dana terkumpul (Pada 31 Disember 2020) |
|----|-----------------|--|--------------------|--|
| 1  | Perak           | Project of Maybank Islamic and MAIPk (Waqf Boat)               | RM200,000.00       | RM72,945.00                            |
| 2  | Kelantan        | Project of Bank Muamalat and MAIK Kelantan (Muallaf Centre)    | RM369,632.00       | RM369,632.00                           |
| 3  | Perlis          | Project of Bank Islam and MAIPs (HTF Hemodialysis Service)     | RM6,000,000.00     | RM6,000,000.00                         |
| 4  | Terengganu      | Project of Bank Rakyat and MAIDAM (MAIDAM Hemodialysis Centre) | RM952,740.00       | RM952,740.00                           |
| 5  | Kedah           | Project of Bank Muamalat and MAIK Kedah (Inap Wakaf)           | RM2,400,000.00     | RM2,980.00                             |
| 6  | Negeri Sembilan | Project of Bank Muamalat and PBMaNS (SMI Seremban)             | RM5,000,000.00     | RM16,658.19                            |
| 7  | Selangor        | Project of Bank Muamalat and PWS (Mobile Dental Clinic)        | RM1,000,000.00     | RM14,865.00                            |
| 8  | Sarawak         | Project of RHB Islamic and TBS (Dana Wakaf Al-Bait)            | RM500,000.00       | RM204,796.25                           |

|   |              |  |              |   |
|---|--------------|--|--------------|---|
| 9 | Pulau Pinang | Project of Affin Islamic & Bank Islam and WPP (Housing Waqf) | RM300,000.00 | - |
|---|--------------|--|--------------|---|

---

Sumber: Laporan Prestasi myWakaf 2020

Sebagaimana kemajuan dalam era pendigitalan kini tidak memingirkan dunia kewangan Islam terutamanya dalam konsep berkebajikan yang mementingkan kesimbangan sosial ekonomi. Peranan bank wakaf digital untuk institusi wakaf perlu digalakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam menggalakan sumber kewangan dalam tempoh yang panjang atau tiada tempoh. Secara tidak langsung sistem perangkan digital yang digabungkan dengan amalan wakaf akan membolehkan umat Islam terbabit dalam sistem kewangan Islam yang berteknologi tinggi yang efisien, mudah dan selamat (Berita Harian, 2021).

Inovasi dalam dunia teknologi ini terutamanya perkhidmatan wakaf tunai dalam talian yang ditawarkan oleh bank memudahkan saluran tambahan untuk pewakaf yang melibatkan penyumbang mungkin datang dari seluruh dunia dan dapat meningkatkan sumbangan wakaf tunai. Dengan kekangan masa yang ada, hal ini dapat diatasi dengan hanya menggunakan rangkaian internet sahaja, secara tidak langsung kos pengurusan wakaf juga dapat dikurangkan serta prestasi bagi transaksi wakaf akan lebih sistematik dan efisien dengan pengeluaran resit dalam bentuk sijil digital (Shukor, et al., 2017; Haron et al., 2016).

Pengurusan mywakaf boleh dianggap selamat dari sudut keselamatan dan kepercayaan. Hal ini kerana perkhidmatan perbankan dalam talian melibatkan penjarakan fizikal antara bank dan pelanggan. Kemungkinan pelbagai perkara boleh berlaku seperti penipuan, maka sistem keselamatan yang lebih kukuh dibangunkan agar risiko transaksi yang berlaku dapat dikurangkan. Jaminan keselamatan ini sangat mempengaruhi komitmen pelanggan bank sedia ada (Mukherjee & Nath, 2003).

Sebagaimana perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh BMMB dari sudut keselamatan yang sangat dipercayai oleh pelanggan mereka menunjukkan satu kejayaan sistem atas talian yang berjaya (Mohd Hafiz, 2019). Kejayaan sumbangan pewakaf dalam saluran mywakaf yang boleh memberi impak yang besar dalam dunia pendidikan, kesihatan dan pemarkasaan ekonomi dalam menjayakan matlamat pembangunan mampan 2030, sebagaimana Bank Rakyat yang telah menyumbang sebanyak RM1 jua dalam dana wakaf tunai (Maisarah Sheikh Rahim, 2021).

## **KESIMPULAN**

Pendekatan kerjasama antara institusi perbankan Islam ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan aktiviti tanggungjawab korporat (CSR) yang seharusnya dijadikan agenda utama oleh syarikat- syarikat korporat di Malaysia. Dengan kerjasama ini dapat memberi contoh lebih banyak lagi integrasi antara institusi perbankan dan badan-badan kerajaan mahupun korporat bekerjasama membangunkan wakaf supaya dapat mewujudkan sumber ekonomi dan memberi akses kepada peluang ekonomi. Di mana ia boleh diluaskan lagi peranannya bukan sahaja diberi kepada pendidikan dan kesihatan. Oleh itu, dicadangkan supaya wakaf ini dapat dikembangkan lagi kepada kemudahan kredit sebagai modal untuk menjalankan perniagaan. Dengan ini, ia dapat mengupayakan ekonomi masyarakat menerusi penciptaan peluang pekerjaan melalui perniagaan atau keusahawanan. Di mana kegiatan ekonomi tersebut dapat menjana pendapatan dan kekayaan kepada individu dan negara. Akhirnya membawa kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhannya. Oleh itu, perbankan Islam bukan sahaja berperanan dalam perkhidmatan bank malahan dapat juga sama-sama terlibat dalam aktiviti-aktiviti wakaf yang dapat meningkatkan ekonomi umat Islam.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini dibentang dalam Seminar Antarabangsa Zakat, Waqaf, dan Filantropi Islam (ZAWFI) 2022 pada 14 September 2022.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Tiada konflik kepentingan yang wujud antara penulis dan mana-mana pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini secara keseluruhan.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Kedua-dua penulis bersama-sama merancang kajian dan mengumpulkan kesusasteraan serta menyusun penulisan dan memastikan teknikal penulisan artikel di semak untuk dihantar ke jurnal

## **RUJUKAN**

- Al- Sarakhsi, Syams al- Din. (1986). *al-Mabsut*, vol. 12, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil. (2013). *Banking Model of Corporate*

- Waqf: An Analysis of Wakaf Selangor Muamalat. International Accounting and Business Conference (IABC) Persada Johor.
- Asyraf Wajdi. (2008). What Does Islam Say About Corporate Social Responsibility?. International Association For Islamic Economics, 12 (1), 5-28.
- Berita Harian. (2021). BNM wajar peruntukan lesen bank digital kepada institusi wakaf, <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/826624/bnm-wajar-peruntuk-lesen-bank-digital-kepada-institusi-wakaf>
- Hasliza Talib et al. (2014). Pembangunan Dana Wakaf : Kajian Di Perbadanan Wakaf Selangor. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). Kuala Lumpur.1-2 December 2014.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid. (2011). Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron, M., Kamarudin, M.K., Fauzi, N.A.M., Ariff, M.M. & Zainuddin, M.Z. (2016). Cash waqf collection: any potential factors to influence it? International Journal of Business, Economics and Law, 9(2).
- Metwally, M.M, (1992). "A Behavioural Model of an Islamic Firm" in Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective, ed. Sayyid Tahir, Aidit Ghazali & Syed Omar. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohamad Zaim et al. (2013). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. Proceeding of 5th Islamic Economics System Conference (IECONS 2013), Kuala Lumpur.
- Mohd Afandi dan Manzur. (2014). El Hassan Pengurusan Ijarah Wakaf: Pemangkin Transformasi Pembangunan Ekonomi Ummah. International Conference Muamalat, Economics & Islamic Finance, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, 8 - 10 December 2014.
- Mohd Hafiz Fauzi, Sofri Yahya, Mohammad Sabri Haron, Syaidatub Nazirah Abu Zahrin. (2019). The Role of Online Facility in Cash Waqf Contribution: Experience of Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Journal South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law, 19(2).
- Mohd Rizduan Mohamad (2020). Kedudukan Tadbir Urus Wakaf di Malaysia: Kajian dari Sudut Hubungan Terhadap Siyasa Shar'iyah. Journal of Contemporary Islamic Studies, 6(1), 135-150.
- Mukherjee, A., & Nath, P. (2003). A model of trust in online relationship banking. International Journal of Bank Marketing, 21(1), 5-15
- Norajila dan Joni Tamkin. (2010). Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Port Dickson, Negeri Sembilan, 15 – 17 Oktober 2010.
- Rafidah Mat Ruzki. (2021). Pelan Induk Wakaf Negara urus aset lebih cekap. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/806415/pelan->

induk-wakaf-negara-urus-aset-lebih-cekap

Tentang Kita. (n.d.). myWakaf. <https://www.mywakaf.com.my/ms/about-us/#objective>.

Utusan Malaysia. (2021). <https://www.utusan.com.my/berita/2021/04/perkasa-peranan-wakaf-elemen-bangunkan-ekonomi-negara-pm/>

Shukor, S. A., Anwar I. F., Aziz, S. A., & Sabri, H. (2017). Muslim Attitude towards Participation in Cash Waqf: Antecedents and Consequences, *International Journal of Business and Society*, 18(S1), 193-204

Zul Karami Che Musa. (2014). *Kepentingan Tadbir Urus Shariah, Tanggungjawab Sosial Korporat dan Permintaan Produk Perbankan Islam*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.